

27/06/1999

Ribuan sambut Maulidur Rasul

KUALA LUMPUR: Kira-kira 12,000 umat Islam menyertai perarakan Maulidur Rasul dari padang letak kereta Stadium Hoki ke Stadium Putra, Bukit Jalil di sini pagi semalam.

Perarakan bermula jam 8 pagi diketuai Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk sambutan Maulidur Rasul peringkat Kebangsaan 1420 Hijrah.

Sepanjang perjalanan, peserta perarakan yang terdiri daripada kakitangan jabatan kerajaan, badan berkanun dan swasta membawa sepanduk sambil berselawat.

Sambutan hari keputeraan Nabi Muhammad tahun ini bertemakan 'Perpaduan Ummah Membawa Kejayaan' dan dirasmikan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Turut berangkat hadir, Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama isteri masing-masing turut hadir di majlis sambutan yang pertama kali diadakan di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil itu.

DI KUCHING, lebih 10,000 umat Islam menyertai perarakan majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri, bermula dan berakhir di Padang Merdeka.

Mereka terdiri daripada 111 kontinjen, mewakili kementerian dan jabatan kerajaan negeri, Kerajaan Pusat, badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela, ahli masjid dan surau, serta pelajar.

Turut serta Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor dan isteri, Toh Puan Rosmiati; Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta isteri, Puan Sri Laila Taib; Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perayaan-Perayaan Islam Negeri Sarawak, Tan Sri Hamid Bugo, menteri-menteri Kabinet dan pembesar negeri.

Perarakan sejauh kira-kira lima kilometer, melalui Jalan McDougal, Jalan Ban Hock, Tabuan, Song Thian Cheok, Main Bazaar dan Tun Openg.

Di KUALA TERENGGANU: Kira-kira 3,000 umat Islam, termasuk pelajar sekolah menyertai sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di Pusat Pentadbiran Islam negeri, Kompleks Seri Iman, di sini, pagi semalam.

Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nur Zahirah berangkat merasmikan majlis sambutan itu kira-kira jam 9 pagi dan disambut pembesar negeri, termasuk Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Majlis diadakan secara sederhana dan tidak mengadakan perarakan dan perbarisan seperti sebelumnya. Majlis selawat hanya bergema di dewan besar kompleks berkenaan.

Di KOTA KINABALU, kira-kira 5,000 umat Islam daripada pelbagai persatuan dan agensi kerajaan serta swasta menyertai perarakan yang bermula di Padang Merdeka di sini hingga ke bangunan Muis, Sembulan.

Sebelum itu, pelancaran majlis sambutan peringkat negeri dilakukan Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai.

Hadir sama Toh Puan Rukaiyah Panglima Abdullah; Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam dan menteri Kabinet negeri.

DI PULAU PINANG, Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir dan isteri Toh Puan Siti Zainab Baharuddin menyertai majlis perarakan dan perhimpunan sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di padang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Permatang Rawa, Bukit Mertajam dekat sini.

Sementara itu, lebih 4,000 umat Islam menyertai perarakan diketuai Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar kira-kira jam 8 pagi sejauh dua kilometer dari sekolah berkenaan ke bandar Bukit Mertajam.

Perarakan membabitkan 65 kontinjen dari pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), maktab dan sekolah.

DI MELAKA: Hampir 10,000 umat Islam daripada 100 kontinjen menyertai perhimpunan sempena sambutan Maulidul Rasul di perkarangan Masjid al-Azim, Bukit Palah di sini, semalam.

Perhimpunan bermula jam 8 pagi disertai Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin dan isteri, Toh Puan Marfuza Sheikh Mohd Osman.

Turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin dan isteri, Datin Seri Khalijah Md Jiddi, ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri serta wakil rakyat beragama Islam.

DI SEREMBAN, lebih 2,000 umat Islam menyertai perarakan sempena Maulidur Rasul di pusat bandar ini mulai jam 8.45 pagi.

Perarakan diketuai Pemangku Yang Dipertuan Besar, Tunku Naquiyuddin Tuanku Jaafar, Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin. Turut serta Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Sebanyak 40 kontinjen mewakili pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan sekolah menyertai perarakan itu.

Perarakan sejauh kira-kira lima kilometer itu bermula dari Padang NS melalui Jalan Berhala, Jalan Yam Tuan, Jalan Dr Krishnan, Jalan Datuk Bandar Tunggal dan berakhir di Dewan Perbandaran Seremban.

Di JOHOR BAHRU, kira-kira 5,000 rakyat negeri ini berhimpun di perkarangan Masjid Sultan Abu Bakar di sini, semalam untuk menghadiri sambutan Maulidur Rasul yang diadakan secara sederhana.

Majlis sambutan itu disertai Sultan Johor, Tengku Mahkota, Tengku Ibrahim Ismail; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Abdul Kadir Annuar; dan anggota Exco, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Dr Shahir Nasir serta pegawai kanan kerajaan.

Majlis sambutan diserikan dengan syarahan agama dan selawat ke atas junjungan Rasulullah.

Majlis yang bermula kira-kira jam 7 pagi dan berakhir kira-kira 1 tengah hari itu turut dibantu 140 pelajar Sekolah Menengah Tinggi Agama Maha'had Johor Bahru yang menyediakan hidangan kepada tetamu yang hadir.

Sementara itu, kira-kira 2,000 rakyat hadir pada majlis sambutan Maulidur Rasul anjuran Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG).

Majlis yang disertai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Johor, Datuk Mohd Ali Hashim serta pengurusan kanan syarikat terkemuka itu turut diserikan dengan syarahan agama.

Di IPOH, lebih 300 umat Islam berhimpun di Dewan Bandaran, di sini diketuai Pemangku Sultan Perak, Raja Nazrin Shah bagi meraikan sambutan Maulidur Rasul 1420 Hijrah peringkat negeri, semalam.

Turut hadir di majlis itu, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan isteri, Puan Sri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah serta Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam, Kemajuan dan Kebajikan Masyarakat, Datuk Mohd Zaim Abu Hasan.

Bacaan qiraat tujuh dan persembahan marhaban menjadi intipati sambutan selain ucapan Raja Nazrin.

Raja Nazrin berkata, golongan yang mendakwa diri sebagai ulama dan pendakwah tetapi tidak mempunyai asas pengetahuan kukuh perlu berhati-hati dalam mengeluarkan pendapat atau mentafsir sesuatu ayat atau hukum.

Beliau berkata, perbuatan mereka itu boleh menyebabkan kegelisahan dan ketidaktenteraman masyarakat.

"Sejak akhir-akhir ini, ada khatib yang membaca khutbah Jumaat dengan

menyelitikan unsur yang tidak sihat sehingga mengelirukan masyarakat,"
katanya dalam ucapannya di majlis itu.

(END)